

**Ruj. Kami: (8) MBPJ/090100/T/A6 Jld. 11**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **MBPJ TERIMA KUNJUNGAN MBKS**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) sering menjadi tumpuan daripada delegasi dalam dan luar negara.

Baru-baru ini, Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS) yang diketuai oleh Datuk Bandarnya iaitu Yang Berbahagia Dato' James Chan Khay Syn telah melakukan lawatan kerjanya ke Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) bersama-sama pegawai-pegawai kanan dan 200 orang penjaja di kawasan Kuching Selatan.

Lawatan ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada para peniaga berhubung perkara yang berkaitan dengan sistem pengurusan pasar dan pusat penjaja di Petaling Jaya.

Mulai 2010, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengambil alih sepenuhnya pengurusan dan melesenkan semua pasar malam dan sebanyak 29 lokasi telah di kelola sendiri oleh pihak majlis.

Justeru itu sejak pengurusan ini diambil alih oleh MBPJ kebersihan dan kesihatan lebih terjamin kerana ia dipantau sepenuhnya oleh Jabatan Kesihatan Persekitaran di bawah kelolaan majlis. Di samping itu ia dapat mengelakkan orang tengah yang sering mengambil kesempatan.

Majlis juga telah mewujudkan satu Jawatankuasa Kerja Pembangunan Sektor Informal yang mana mesyuarat ini khusus membincangkan program pembangunan, hala tuju menaiktaraf pusat penjaja dari masa ke masa.

Majlis kini mempunyai 32 lokasi gerai dengan jumlah penyewa sebanyak 2,687 orang . Selain dari itu juga, majlis mempunyai usahasama dengan pihak lain untuk membangunkan dan meningkatkan mutu pusat penjaja. Contohnya usahasama bersama MARA dan Kerajaan Negeri. Majlis bersama pihak swasta membangunkan pusat-pusat penjaja contohnya Plus 8, Menara Axis dan Kompleks Muhibbah di Kota Damansara.

Hadir kemajlis ini Datuk Bandar MBPJ, Yang Berbahagia Dato' Haji Mohamad Roslan bin Sakiman, Timbalan Datuk Bandar MBPJ, Tuan Puan bin Md Taib, Timbalan Setiausaha MBPJ, Tuan Haji Ahmat Mohaayen bin Hj Said, dan tidak ketinggalan ahli-ahli majlis, pegawai kanan serta kakitangan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Disediakan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

**Tarikh: 17 Oktober 2012**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),  
emel: [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi: Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 010-4268050, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**